

Banjir makin kritikal waktu malam

Air pasang menyebabkan kawasan rendah tenggelam, 75 mangsa terpaksa dipindahkan ke balai masyarakat

SABAK BERNAM – Seramai 75 mangsa daripada 20 keluarga mangsa banjir di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Batu 2 Tebuk Pulau di-pindahkan ke pusat pemindahan banjir di Balai Masyarakat Kampung Desa Kasih Batu 2 Tebuk Pulau, sejak petang kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Batu 2 Tebuk Pulau, Mohd Zaki Basar berkata, mangsa pertama dari PPRT Batu 2 Tebuk Pulau dipindahkan jam 5 petang kelmarin.

Menurutnya, jumlah mangsa kemudiannya meningkat pada jam 8 malam hari yang sama apabila seramai sembilan keluarga mula dipindahkan selepas kediaman mereka dinaiki air sedalam lapan hingga 12 inci.

“Sejam selepas itu (kira-kira 10 malam), seramai 14 keluarga di-

pindahkan di pusat pemindahan sama dan selepas jam 3 pagi jumlah itu meningkat kepada enam lagi keluarga,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Zaki berkata, daripada jumlah itu, seramai 65 mangsa banjir terdiri daripada mereka yang tinggal di PPRT Batu 2 Tebuk Pulau, manakala 10 lagi mangsa pula dari Kampung Batu 2 Tebuk Pulau.

“Beberapa agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam; Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan polis telah melawat mangsa banjir dan menghulur bantuan sewajarnya kepada mangsa terlibat,” katanya.

Menurut beliau, semua mangsa terpaksa dipindahkan ekoran hujan lebat melanda kampung itu hingga menyebabkan beberapa penempatan dinaiki air selain masalah sistem perparitan di kawasan terlibat tidak diselenggarakan dengan sempurna.



Sebahagian daripada mangsa banjir ditempatkan di pusat pemindahan banjir di Balai Masyarakat Kampung Desa Kasih Batu 2 Tebuk Pulau.

“Malah, keadaan bertambah teruk pada waktu malam apabila berlakunya air pasang menyebabkan air naik dengan cepat terutama di kawa-

san rendah,” katanya.

Sementara itu, Penyelaras Pusat khidmat Masyarakat (PKM) Dun Sungai Air Tawar, Ahmad Mustain

Othman berkata, beberapa kampung di Dun itu yang dinaiki air beransur surut selepas Kunci Air Bagan Nakhoda Omar dibuka bermula jam 6 petang kelmarin.

“Semalam (kelmarin) petang beberapa kampung yang dinaiki air makin surut disebabkan Kunci Air Bagan Nakhoda Omar telah dibuka secara manual oleh penduduk bagi melancarkan pengaliran air di kawasan kampung ke Pantai Bagan Nakhoda Omar sebelum ia ditutup jam 1 pagi.

“Kunci air ini dibuka jam 7.30 pagi keesokannya dan kemudiannya ditutup pada jam 12 tengahari dan dibuka semula jam 6 hingga jam 12 tengah malam nanti,” katanya.

Menurutnya, beberapa kampung terlibat menggunakan kunci air itu seperti Kampung Bagan Nakhoda Omar; Banting; Teluk Rhu dan Sekendi.